

Nya: SUATU PERSOALAN FUNGSI SECARA KOMPARATIF

Mardina binti Haji Mahadi
Brunei Darussalam

Abstrak

Kata Ganti Nama Diri (KGND) nya seringkali dipakai sama ada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan. Dalam kertas kerja ini akan diterangkan dari segi pemakaian KGND nya antara Dialek Melayu Brunei (DMB) dan Bahasa Melayu Standard (BMS) secara komparatif. Apabila membicarakan dari segi persamaan, secara umum kedua-dua bahasa ini menggunakan KGND nya. Perbezaannya yang ketara adalah dari segi fungsi KGND nya. Selain daripada itu berlakunya kelainan maksud jika mengalami penggabungan dengan struktur kata yang lain. Misalnya, di dalam BMS ada mnggunakan ianya. Hal seumpama ini tidak berlaku di dalam DMB. Manakala di dalam DMB terdapat gabungan kata nya dengan mu, iaitu nyamu. Perkataan nyamu tidak wujud pemakaiannya di dalam BMS. Jelas sekali menunjukkan kelainan yang berlaku dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Pengenalan

KGND nya agak kurang dibincangkan dalam penulisan-penulisan. Ia mempunyai beberapa kemungkinan. Salah satunya, mungkin ia dianggap sesuatu yang mudah dan biasa dipakai dalam bahasa Melayu, sama ada di dalam Bahasa Melayu Brunei (BMB) atau Bahasa Melayu Standard (BMS). Secara umum dikatakan fungsi nya untuk merujuk Kata Ganti Nama Diri (KGND) ketiga yang berbentuk tunggal. Hal yang sama juga berlaku dalam BMB, pemakaiannya juga untuk merujuk KGND ketiga. Dengan adanya analisis secara komparatif ini akan dapat diketahui fungsi yang lain bagi nya dalam kedua-dua bahasa tersebut. Lagipun setiap bahasa itu tidak semuanya sama kerana lingkungan pemakaiannya yang berbeza. Selain fungsi nya, dalam kertas kerja ini juga akan diperlihatkan struktur nya yang mengalami penggabungan dengan kata atau singkatan yang lain.

Apabila dilihat dari segi terminologinya, *nya* adalah singkatan daripada perkataan empunya yang bermaksud *benda yang dipunyai* atau *dimiliki*. S. Takdir Alisjahbana (1980:60) mengistilahkan *nya* sebagai akhiran. Asmah Haji Omar (1980:69), Arbak Othman (1985:89) menggolongkan *nya* sebagai kata ganti nama diri ketiga. Manakala Lutfi Abas (1988:132) mengatakan *nya* sebagai penambah ganti nama.

Di dalam Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003:1984), *nya* dicirikan sebagai (1) kata ganti nama diri (pronominal persona) orang ketiga, seperti *ia* dan *dia* yang ditulis serangkai dengan kata yang mendahuluinya: *jiwa ~*; *membakar ~*; *oleh ~*; *pada ~*; *rumah ~*; (2) kata untuk menegaskan atau menguatkan sesuatu maksud: *dengan hormat ~ encik dijemput hadir, setelah esok hari ~*; *maka ~*; (3) kata untuk menjadikan sesuatu perkataan yang bukan daripada kata nama sebagai kata nama: *laju ~ ialah 100km sejam; tinggi ~ empat kaki*.

Bentuk *-nya* dalam BMB

***nya* + mu**

Dalam BMB terdapat gabungan kata *nya* dengan *mu*, iaitu *nyamu* yang bermaksud (i) katamu (kata awak), (ii) sebagai ganti nama orang (rujukan kepada orang yang dibawa berbicara) , seperti dalam contoh yang berikut:

Contoh ayat (i):

BMB: *Nyamu* inda kau mau balik akhir.

... tidak kau mahu pulang lewat.

BMS: Kata awak tidak mahu pulang lewat.

Contoh ayat (ii):

BMB: Abis udah bajual *nyamu*.

Habis sudah dijual ...(Cik/Encik).

BMS: Habis sudah dijual ...Cik/Encik.

nya + nta

Dalam BMB, pemakaian *nya* juga didapati bergabung dengan *-nta* , iaitu *nyanta* yang bermaksud (i) kata ganti nama diri orang kedua tunggal.

Contoh ayat (i):

BMB: Pagi tadi udah abis *nyanta* udang di pasar Gadong ah!

Pagi tadi sudah habis.... udang di pasar Gadong ah!

BMS: Tadi pagi sudah habis (...) udang di pasar Gadong.

Contoh ayat (ii):

BMB: Ngalihku *nyanta* bagas manabas rumput atu.

Penatku ... selepas menebas rumput.

BMS: Saya penat ... selepas menebas rumput .

***nya*+ kata nama Am atau Khusus**

Dalam BMB, *nya* juga disertai dengan kata nama am dan juga khusus. Sebagai contoh: *nya babu*, *nya Si Kudil*, *nya bisdurang*, *nya kawanku*. Dalam konteks BMB, *nya* bermaksud sebagai kata, iaitu pemberitahuan.

Contoh ayat (i):

BMB: *nya babu* bawa bisdurang karang bajalan.

Kata babu bawa mereka nanti berjalan.

BMS: Kata ibu, "nanti bawa mereka berjalan".

Contoh ayat (ii):

BMB: *nya amit* balikan ia limau kalau kau ka pasar.

Kata amit belikan dia limau jika awak ke pasar.

BMS: kata amit, "Belikan dia limau jika awak ke pasar".

Kata nama am+ *nya*

Dalam BMB penggabungan kata nama boleh berlaku sebelum *nya*. Misalnya, *babunya*, *bapanya*, *mamanya*. Ia bermaksud cara memanggil, iaitu ganti nama kepada suami atau kepada isteri.

Contoh ayat (i):

BMB: Sudah siap *babunya*, bausai atu?

Sudah siap emaknya, berhias itu?

BMS: Emaknya, sudah siapkah berhias?

Contoh ayat (ii):

BMB: Bah *bapanya*, balik tah kitani.

Ayahnya, pulang tah kita.

BMS: Ayahnya, marilah kita pulang.

Bentuk *nya* dalam BMB bukan sahaja berbentuk tunggal tetapi juga merujuk jamak.

Misalnya:

Contoh ayat (i):

BMB: Nya bisdurang.

Kata mereka.

BMS: Kata mereka.

Contoh ayat (ii):

BMB: Apa nya biskita, aku menurut saja.

Apa kata kamu, aku ikut saja.

BMS: Apa kata kamu, saya mengikut saja.

Bentuk *nya* dalam BMS

Dalam BMS ada menggunakan *ianya*. Hal seumpama ini tidak berlaku di dalam BMB. Beberapa orang sarjana dari Malaysia mengatakan *ianya* tidak boleh bergabung. Kata ganti nama *ia* tidak boleh diikuti kata *nya*. Dengan kata lain, perkataan *ianya* tidak boleh digunakan (Lee Lai Foon dan Raja Masittah Ariffin, 2005:28). Kata *nya* tidak boleh diimbuhkan pada kata *ia* lalu menjadi **ianya*,

sebagaimana *ku* dan *mu* tidak boleh diimbuhkan pada kata *aku* dan *kamu* lalu menjadi **akuku* dan **kamumu* (Asraf, 2007:16).

Manakala menurut Asmah Haji Omar:

“Dalam awal tahun-tahun enam puluhan, kita sudah bersua dengan *ianya*. Kata ini digunakan apabila merujuk kepada benda-benda konkrit dan juga konsep-konsep abstrak. Bagaimanapun, dari pemerhatian secara am, pengguna bahasa Malaysia masih segan silu menggunakan *ianya* atau *ia* dalam konteks yang diperkatakan itu”.

(1987:111)

Berikut adalah contoh penggunaan *ianya* yang diberi oleh Asmah Haji Omar:

Asid ini dijumpai dalam banyak tumbuhan berkayu dan herba dan *ianya* boleh dianggap sebagai bahan yang boleh menghalang perkembangan mata tunas seterusnya. Apabila dikenakan di sebelah luar daun, *ianya* boleh menghentikan kegiatan mata tunas hujung bagi batang itu tanpa had.

Fungsi *nya* dalam BMB dan BMS

Kajian yang dilakukan oleh Mataim Bakar (1986/87), *nya* dalam BMB disenaraikan ada 7 fungsi. Pertama, *nya* sebagai pelaku, kedua, *nya* sebagai merujuk kepunyaan, ketiga, *nya* sebagai penanda penyangga, keempat, *nya* sebagai merujuk kepada penjelasan, keenam *nya* yang menunjukkan tingkat paling dan ketujuh, *nya* menegaskan perkataan yang diimbuhinya. Manakala, Pengiran Haji Kamaluddin bin Pengiran Haji Md. Said (1990/1991) menjelaskan *-nya* sebagai penanda pemilik, artikel, pelaku, objek, kata sambung, kata, dan frasa baru.

Berdasarkan penelitian yang dibuat oleh penulis terdapat persamaan dan juga perbezaan pengkategorian fungsi *nya* daripada kajian sebelumnya. Berikut dihuraikan fungsi-fungsi *nya* dalam BMB dan seterusnya akan dibuat perbandingan dengan BMS.

***nya* sebagai penanda kepunyaan (milik)**

Dalam BMB *nya* berfungsi sebagai penanda kepunyaan sesuatu, sama ada manusia atau binatang. Misalnya, *bajunya* (kepunyaan orang), *ekornya* (kepunyaan binatang).

Hal yang sama juga dikatakan di dalam BMS. Menurut Abdullah Hassan (1994:205) ganti nama *nya* digunakan sebagai akhiran pada kata nama, atau golongan lain yang membawa maksud milik, seperti *rumahnya*, *bukunya*, *emaknya* dan *keretanya*. Daripada contoh-contoh tersebut diperlihatkan *nya* hanya membawa maksud milik manusia.

***nya* sebagai sebahagian daripada sesuatu benda atau kejadian**

Dalam BMB, *nya* berfungsi sebagai sebahagian daripada sesuatu benda atau kejadian. Misalnya, *pamigangnya* (sebahagian daripada benda) *tangkainya* (sebahagian daripada kejadian tanaman).

Contoh ayat (i):

BMB: Cuba tah kau usai pintu itu, patah *pamigangnya*. Inda balaku ditutup.

Cuba awak baiki pintu itu, patah *pemegangnya*. Tidak dapat ditutup.

BMS: Tolong awak baiki pintu itu. Pemegang pintu itu patah. Tidak dapat ditutup.

Contoh ayat (ii):

BMB: Tabang umbia digarut dijjak bah *ampulurnya*. Nyaman manis bah *ampulur* itu. Ani isinya.

BMS: Batang rumbia ditebang, kemudian digarut dan dijejak hempulurnya.

Isinya manis.

(Ayat (ii), Mataim, 2000:58 dan 59)

Berdasarkan contoh data yang diberikan tadi, *nya* bermaksud pokok rumbia. Bagi penulis, hempulur dan isi merupakan sebahagian daripada kejadian pokok rumbia tersebut. Bagaimanapun, Mataim Bakar telah mengkategorikan fungsi *nya* yang tersebut sebagai penanda penyangga (Mataim, 2000:58 dan 59).

Bagi menggantikan nama benda, Abdul Hamid Mahmood menyatakan *nya* sebagai kata ganti. Contoh yang diberi oleh beliau seperti yang berikut:

Pokok mempelam itu lebat buahnya.

(Abdul Hamid Mahmood, 1997:16)

***nya* sebagai penekanan/penegas (menegaskan sifat sesuatu)**

Dalam BMB, *nya* berfungsi menegaskan sifat pada perkataan yang diimbuhinya atau disertainya itu. Ini dapat dilihat daripada contoh yang berikut:

Contoh ayat (i):

BMB: Panjangnya kayu panjulukmu ani.

Panjang ... kayu galah awak ni.

BMS: Panjang sungguh kayu galah awak.

Contoh ayat (ii):

BMB: Mirahnya baju mu ani.

Merah... baju awak ni.

BMS: Merah sungguh baju awak.

nya yang mengikuti kata *panjang*, dan *merah* bermaksud sifat yang ada pada sesuatu benda itu. Yang memiliki sifat tersebut tidak semestinya berupa benda, ia boleh terdiri daripada manusia, binatang, tanaman atau pokok, keadaan dan tempat.

Istilah yang digunakan oleh Nik Safiah Karim (2008:295-296) ialah kata penekan. Menurut beliau kata penekan ialah memberikan penegasan pada kata yang bergabung dengannya. Berikut adalah contoh yang diberi oleh beliau:

- (i) Lapisan ozon *sesungguhnya* semakin menipis.
- (ii) *Bahawasanya* pindaan perlembagaan itu wajar dilakukan pada masa ini.

Menurut Lutfi Abas (1988:134) jika *nya* bersama-sama dengan awalan *se-* (*se...-nya*) bermakna “paling”, selepas sifat nama yang digandakan. Ini dapat dilihat melalui contoh yang berikut:

Setinggi-tingginya → “paling tinggi”

- (i) Dia menggantungkan cita-citanya setinggi-tingginya.

Seberat-beratnya → “paling berat”

- (ii) Dia membebani kami dengan tugas yang seberat-beratnya.

***nya* sebagai pelaku**

Dalam BMB, *nya* berfungsi sebagai pelaku, iaitu perbuatan yang dilakukan. Misalnya *ditarajangnya*, *dikurah-kurahnya*, *diambilnya*, *dipungutnya*.

Contoh ayat (i):

BMB: *Ditarajangnya* bah pintu itu, iatah pacah salajur.

Diterjangnya ... pintu itu, lalu pecah terus.

BMS: Pintu itu *diterjangnya* sehingga pecah.

Contoh ayat (ii):

BMB: Rambutan itu *dipungutnya* udah.

Rambutan itu *dikutipnya* sudah.

Perkara yang sama juga didapati dalam BMS, *nya* berfungsi sebagai pelaku. Dalam kajian yang dilakukan oleh penulis, di dalam teks Mingguan Malaysia *nya* menjadi penanda yang berfungsi sebagai pelaku (Mardina, 2004). Ini dapat dilihat dari contoh ayat-ayat yang berikut:

Contoh Ayat (i):

Terlalu banyak tuntutan yang mesti difahami oleh imam... demi kesempurnaan sembahyang yang dilakukan olehnya.

Contoh Ayat (ii):

Mereka sebagai paksi kejahatan di Tenggara Asia memperdaya, menipu melakukan pelbagai helah, mengganas, membunuh, menghina dan mengaut segala kekayaan Negara yang dijajahnya.

(Mingguan Malaysia, 2004)

***nya* berfungsi sebagai kata (sesuatu yang dikatakan oleh seseorang)**

Dalam BMB, *nya* berfungsi sebagai kata, iaitu sesuatu yang dikatakan oleh seseorang. Menurut Pengiran Haji Kamaluddin bin Pengiran Haji Md. Said (1990:83). Kata –*nya* yang bermakna “kata” ini jarang sekali berdiri sendiri. Biasanya ia diikuti oleh kata ganti orang. Misalnya:

Nyangku/nyaku (kataku), *nyamu* (katamu), *nyanta* (kata kita),
nya babu (kata babu), *nyanya* (kata dia), *nya* kami (kata kami),
nya kamu (kata kamu), *nya* diurang/bisdurang (kata mereka),
nya bisdia/abisdia (kata mereka).

nya dalam BMB bukan sahaja merujuk ganti nama yang ketiga tetapi juga merujuk ganti nama pertama, kedua dan ketiga dalam bentuk tunggal dan jamak. Hal ini tidak ditemui oleh penulis dalam buku-buku bahasa dari Malaysia. Dalam penelitian yang dibuat oleh penulis (2004), *nya* bukan sahaja berfungsi sebagai kata ganti nama diri tunggal tetapi juga jamak. Ini dapat ditemui dalam buku teks lama, iaitu teks kesah Raja-Raja Pasai.

***nya* berfungsi sebagai penentu jenis (kelompok atau kumpulan)**

Dalam BMB *nya* merujuk kepada kumpulan atau jenis benda tersebut.

Contoh ayat (i):

BMB: Kain*nya* in da sama macam kau pakai.

Kain... tidak sama, seperti awak pakai.

BMS: Jenis kain tidak sama seperti awak beli.

Contoh ayat (ii):

BMB: Rambut*nya* ani in da sama macam kubali di malam.

Rambutan... ini tidak sama seperti saya beli semalam.

BMS: Rambutan jenis ini tidak sama seperti yang saya beli semalam.

***nya* berfungsi sebagai penanda paling atau sangat (superlatif)**

Dalam BMB *nya* berfungsi sebagai penanda paling pada suatu keadaan. Dalam bahasa Inggeris istilah *superlative* dikhususkan bagi darjah perbandingan kata adjektif. Dalam BMB, *nya* menjadi penanda sangat atau paling juga didapati pada kata adjektif yang menggabunginya. Ini dapat dilihat seperti contoh yang berikut:

Contoh ayat (i):

BMB: Batimbun*nya* buah rambutan di pondok itu

Banyak ... buah rambutan di pondok itu.

BMS: Banyak sangat buah rambutan di pondok itu.

Contoh ayat (ii):

BMB: Panasnya ari ani, batitikan paluhku.

Panas ... hari ini, bertitikan peluh saya.

BMS: Panas sangat hari ini, bertitikan peluh saya.

Dalam BMS, menurut Lutfi Abas (1988:133) akhiran *-nya* bermakna “sungguh”

Contoh: sakitnya, indahnya.

(i) Aduh! Sakitnya!

(ii) Alangkah indahnya sajak ini.

***nya* berfungsi sebagai tambahan bagi kata keterangan (adverb)**

Dalam BMB *nya* berfungsi sebagai penambah atau artikel. Dengan kata lain, ia menambah kata keterangan. Bagaimanapun ia tidak mengubah maksud pada kata yang menggabungi sebelumnya. Seperti yang dikatakan oleh C. A. Mees (1969:100) *nya* berguna untuk menjadikan adverb.

Contoh ayat (i):

BMB: Salulunya kadidia datang awal.

Selalunya dia datang awal.

BMS: Selalunya dia datang awal.

Contoh ayat (ii):

BMS: Andang kabiasaannya, kadidia atu malam-malam akhir tidur

Memang kebiasaannya, dia itu malam-malam akhir tidur.

BMB: Memang kebiasaannya, dia malam-malam akhir tidur.

Dalam BMS, fungsi *nya* sebagai tambahan pada adverb ini memang ditemui oleh penulis berdasarkan penelitian yang dibuat pada tahun 2004.

Contoh ayat (i):

Demikianlah halnya sekeping gambar yang disiarkan dalam beberapa buah akhbar Amerika dan majalah The New Yorker baru-baru ini yang menunjukkan seorang tawanan perang bangsa Iraq menggigil ketakutan beberapa saat sebelum digigit beberapa ekor anjing askar Amerika.

(Mingguan Malaysia, 2004:8)

Contoh ayat (ii):

Hasilnya, insiden jangkitan campak menurun daripada 65.6 per seratus ribu populasi kepada 2.7 per seratus ribu pada tahun 2002 selaras dengan bertambahnya peratusan liputan imunisasi campak.

(Mingguan Malaysia, 2004:25)

Kesimpulan

Dalam BMB berdasarkan konteks penggunaan fungsi *nya* sebagai penanda kepunyaan (milik), sebahagian daripada sesuatu benda atau kejadian, penekanan (penegas), pelaku, kata, penentu jenis, penanda superlatif dan tambahan bagi kata keterangan. Manakala dalam BMS, penggunaan *nya* sebagai *kata* memang tidak wujud. Fungsi *nya* sebagai *sebahagian daripada sesuatu* dan *penentu jenis* sememangnya wujud walaupun tidak dijelaskan secara terperinci dalam buku-buku tatabahasa di Malaysia.

Yang jelas perbezaan antara BMB dengan BMS, *nya* dalam BMB sebagai kata malah strukturnya boleh bergabung dengan kata atau singkatan lain. Hal ini tidak berlaku dalam BMS.

Dalam BMB *nya* bukan sahaja berbentuk tunggal tetapi juga boleh mewakili jamak atau banyak. Manakala dalam BMS, *nya* dikatakan sebagai bentuk yang tunggal. Penulis mendapati *nya* dalam BMS bukan sahaja berbentuk tunggal tetapi juga berbentuk jamak. Hal ini memang tidak dinyatakan dalam buku-buku tatabahasa Malaysia. Ini dapat dilihat dalam kajian teks yang dilakukan oleh penulis sebelumnya. Bukan sahaja dalam teks lama malahan dalam teks surat khabar Mingguan Malaysia. Kajian yang dilakukan pada tahun 2004, iaitu analisis teks.

Bibliografi

- Abdul Hamid Mahmood, 1997. *Tatabahasa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1994. *Bahasa Melayu untuk Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Haji Musa Lubis, 1963. *Kesah Raja-Raja Pasai*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Alisjahbana, S. Takdir, 1980. *Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia*. Jakarta: Penerbit Dian Rakyat.
- Arbak Othman, 1989. *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1987. *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf, 2007. *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Kamaluddin (Pg. Hj.) bin Pg. Hj. Md. Said. (Sesi 1990/1991) .“-Nya Dalam Dialek Melayu Brunei”. *Latihan Ilmiah*. Gadong. Universiti Brunei Darussalam: Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik.
- Lee Lai Foon dan Raja Mashittah Raja Ariffin, 2005. *Petunjuk Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Abas, 1988. *Nahu Penambah Bahasa Malaysia*. Ipoh: Peter Chong Printers Sdn. Bhd.
- Mardina binti Haji Mahadi, 2004. “nya: Suatu perspektif dari Aspek Kedinamisan Bahasa”. Dalam Kertas kerja Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik . Ogos 11 12 , Dewan Canselor: Universiti Brunei Darussalam.

Mataim Bakar, 2000. *Morfologi Dialek Melayu Brunei: Satu Tinjauan Kajian Lampau*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mees, C.A.,1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Nik Safiah *et al.*, 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akhbar Mingguan Malaysia, 2004. 29 Februari, 28 Mac , 25 April, 18 Julai.

Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.